

LEMBAGA PELABUHAN KELANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berkelayakan dan berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN yang masih sah tempohnya di bawah Kod Bidang 060301 (06-Kimia, Bahan Kimia dan Peralatan Makmal / 03-Bahan Bakar dan Pelincir / 01-Bahan Bakar) bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA : LPK/21/11/2022(JGM)

TAJUK SEBUT HARGA : **SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR SERAH, DAN MENGISI BAHAN BAKAR DIESEL DAN PETROL UNTUK KEGUNAAN BOT JURUKUR DAN BOT JURAGAN, LEMBAGA PELABUHAN KELANG BAGI TEMPOH BEKALAN SELAMA 3 TAHUN**

TARIKH IKLAN : 23 November 2022 (Rabu)

TARIKH DAN MASA : 30 November 2022 (Rabu) @ 10.00 pagi- **WAJIB HADIR**
TAKLIMAT SEBUT HARGA /
JUALAN DOKUMEN

TEMPAT : Bilik Swettenham, Tingkat Bawah, Lembaga Pelabuhan Kelang, Jalan Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang.

TARIKH/ MASA TUTUP: 14 Disember 2022 (Rabu) @ 12.00 tengahari

1. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada penama di SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN dalam kod bidang seperti di atas dengan bayaran RM30.00 (bagi satu set dokumen) pada **tarikh dan masa taklimat sahaja** dan menyerahkan satu salinan sijil berkenaan semasa mengambil dokumen tawaran. **(Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang tercatat dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan)**
2. Dokumen Sebut harga Teknikal dan Kewangan yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat berasingan dan berlakri serta dicatatkan nombor sebut harga pada penjuru atas sebelah kiri di kedua-dua sampul surat. Kedua-dua sampul surat tersebut (Teknikal dan Kewangan) hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat besar berlakri dan bertanda "**LPK/21/11/2022 (JGM)**" dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang terletak di perkarangan **Lobi Ibupejabat LPK sebelum jam 12.00 tengahari, 14 Disember 2022 (Rabu). Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**
3. Lembaga Pelabuhan Kelang tidak terikat untuk menerima Sebut harga yang terendah atau lain-lain tawaran.
4. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:

Spesifikasi

En. Sr. Badrul Hisham Bin Ismail : 03-31688211 ext 3019 badrul@pka.gov.my

Dokumentasi

En. Mohamad Sharil Bin Zakaria : 03-31688211 ext 3015 sharil@pka.gov.my